



SELANGOR INI

PERCUMA 20 - 27 Mac 2015, 29 Jamadilawal - 6 Jamadilakhir 1436 www.selangorku.com

Aktiviti terjah tunjuk kesan positif

Denggi: 6 daerah catat penurunan

Mengikut Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, sebanyak 17,885 kes dicatat sejak Januari lalu tetapi sejumlah 7,183 kes berkurangan pada Mac berbanding akhir Februari lalu

LAPORAN LANJUT DI MUKA 4,5 & 6



UNIK...
Juri menarik layang-layang secara pukal bagi menentukan pemenang menggunakan kaedah yang dikenali sebagai 'ponjot'. Pemenang diputuskan berdasarkan layang-layang yang terakhir jatuh ke tanah.

Gambar oleh Asri Sapie

Adun BN gilir jawatan ketua pembangkang

SUBANG JAYA - Barisan Nasional (BN) selaku pembangkang Selangor gagal menamakan ketua pembangkang Dewan Negeri Selangor (DNS).

Mereka hanya menggiliri peranan itu dalam kalangan 12 Adun BN, menyebabkan DNS tiada ketua pembangkang buat pertama kali dalam sejarah negeri.

"Mungkin sebab mereka enggan kerana jawatan itu secara automatik dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Keberanggungjawaban dan Ketelusan Selangor (Selcat)."

"Dulu, ketika DAP ada dua Adun sahaja, tetapi ada ketua pembangkang," kata Speaker, Hannah Yeoh.

Keputusan itu dinyatakan menerusi surat kepada Hannah tetapi tidak memberi sebarang alasan penolakan jawatan itu.

Adun Permatang, Sulaiman Abdul Razak, pula berkata penggiliran bukan masalah kerana tiada syarat wajib bagi jawatan itu.

"Ia bukan syarat wajib dalam Peraturan Dewan dan Un-

dang-undang Tubuh DNS. Untuk sidang kali ini dan berikutnya, kami ambil giliran."

"Yang penting, isi perbahasan. Kami akan berbahas dan bawa isu seperti biasa biarpun tanpa ketua pembangkang," katanya.

Ironinya, BN Selangor melantik Adun Batang Kali, Mat Nadzri Ahmad Dahlani sebagai Ketua Penyelaras Adun BN.

Tak jejas tarif air sedia ada

"Ia tidak memberi implikasi. Sebarang kesan bergantung kepada perbincangan antara kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan khususnya Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

BERITA DI MUKA 2



Kebebasan berbahas hilang

Penahanan Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar menyebabkan ahli parlimen hilang kebebasan berbahas di Dewan Rakyat

BERITA DI MUKA 3

Air bukit: Ramai sanggup beratur tepi jalan

Selalunya, air paip akan cepat berkeladak kalau disimpan dua atau tiga hari tetapi air bukit ini tetap jernih walau pun disimpan berminggu

BERITA DI MUKA 7

Pembeli rumah Selayang Mutiara dapat pinjaman

Mereka dibawa menaiki dua buah bas ke Maybank cawangan Shah Alam untuk menghantar permohonan pinjaman.

BERITA DI MUKA 12

Kubah Masjid Shah Alam dinaik taraf

Dijangkakan kerja-kerja me-naik taraf kubah masjid ini akan bermula pada April 2015 dengan tempoh 18 bulan untuk disiapkan

BERITA DI MUKA 14

Pembatalan perjanjian induk penstrukturkan industri air

Tak jejas tarif sedia ada

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Pembatalan perjanjian induk penstrukturkan semula industri air Selangor tidak memberi kesan kepada tarif air, kata Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago.

"Ia tidak memberi implikasi. Sebarang kesan bergantung kepada perbincangan antara kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan khususnya Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)," katanya.

Beliau mengulas kedudukan tarif air selepas Kerajaan Negeri mengumumkan pembatalan perjanjian berkenaan, minggu lalu.

Charles turut mengalui-alui perbincangan semula Kerajaan Selangor bersama Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (Kettha) bagi mencari penyelesaian baru.

Ia termasuk kontroversi cadiangan pengambilalihan tanah yang menempatkan paip air sepanjang 26,000 kilometer



Charles Santiago

Pembatalan dibincang terlebih dulu

SHAH ALAM - Keputusan pembatalan perjanjian induk penstrukturkan semula industri air diputuskan dalam mesyuarat bersama antara Exco dan Jawatankuasa Air Pakatan Rakyat pada 8 Mac lalu.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata perkara sama juga dibincangkan bersama exco sebelum ini.

"Keputusan itu melibatkan peranan dan tindakan eksekutif, ia dibincangkan secara mendalam dalam mesyuarat exco.

"Ia juga dibincangkan sekali lagi bersama Jawatankuasa Air Pakatan Rakyat, dua hari sebelum umum pembatalan pada 10 Mac lalu," katanya kepada Selangor Kini.

Zaidy berkata tidak timbul isu membelakangkan peranan Adun, malah forum penerangan akan dianjur bagi memberi penjelasan kepada wakil rakyat lain.

"Kita libatkan peranan eksekutif dan jawatankuasa terlibat. Soal rasionalisasi keputusan itu, kami akan adakan pertemuan konsensus bersama Adun lain," katanya.

Zaidy menjangka konsensus itu bakal berlangsung sebelum sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) ke-13 pada 30 Mac depan.

"Belum ada tarikh tepat tetapi kita cuba adakan dalam masa terdekat," katanya.



Zaidy Abdul Talib

Projek Langat 2 diteruskan

SHAH ALAM - Projek pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 (Langat 2) tetap diteruskan walaupun perjanjian induk penstrukturkan semula industri air, dibatal.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, projek itu perlu kerana ia akan dijadikan sumber air mentah

kepada Selangor pada masa depan.

"Projek itu tidak berkait secara langsung sebab Langat 2 masih lagi berjalan seperti biasa."

"Cuma ia perlu melalui proses biasa seperti pemberian kelulusan. Sekarang, tunggu pemaju meneliti syarat kebenaran merancang dan soal tanah," katanya kepada Selangor Kini.

dan aset dalam perjanjian konsesi air.

"Menteri juga akui selepas perjanjian ditulis, dipersetujui dan diterima semua, baru ia difikirkan."

"Itu jawapan dalam Parlimen. Pengubahsuaian perjanjian tidak boleh diterima," katanya kepada Selangor Kini.

Perjanjian itu terlupus berikutan Kerajaan Persekutuan enggan menghormati prinsip dan semangat perjanjian termasuk mengiktiraf kedaulatan

tanah dan aset air Selangor.

Sekurang-kurangnya tanah sepanjang 26,000 kilometer yang menempatkan paip air sebagai aset, mahu diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan Negeri tidak ber-setuju kerana ia bercanggah dengan prinsip dan semangat perjanjian yang dipersetujui sebelum ini.

Secara keseluruhan, Kerajaan Negeri mempunyai RM14.9 billion aset air tanpa mengambil kira nilai tanah.

MB: Rundingan MOU air disambung

SHAH ALAM - Rundingan perjanjian penstrukturkan air antara Kerajaan Selangor dan Putrajaya yang terhenti, bersambung semula.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata Kerajaan Negeri bersedia kembali berunding jika Kerajaan Persekutuan bersetuju dengan terma rujukan dalam perjanjian utama,

Bagaimanapun, katanya, rundingan mungkin tidak akan diadakan minggu ini ekoran beliau dijadual bertemu Menteri Kerja Raya pada

“

Kerajaan Negeri bersedia kembali berunding jika Kerajaan Persekutuan bersetuju dengan terma rujukan dalam perjanjian utama

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

Khamis.

"Persoalannya, kenapa sekarang datang bukan sahaja aset, dia (Kerajaan Pusat) mahu tanah yang dilalui aset itu, mana boleh saya serahkan tanah itu."

"Sekarang, dia mengaku tidak pernah minta tanah. Jika benar, kenapa dalam surat terbaru menyebut secara jelas."

"Pajakan boleh dipertimbangkan selepas saya berjumpa dengan Perdana Menteri. Kita boleh bincang tetapi bergantung kepada syarat," katanya.

SPLASH masih berhak proses air



“

Semua operator diberi Lesen Abstrakdisi Air untuk mengekstrak air mentah. Kalau tidak bagaimana hendak beroperasi.

Ini bukan sahaja kepada SPLASH tetapi juga Puncak Niaga. Bagaimana Kerajaan Negeri boleh batalkan lesen hak pengeluaran air

SHAH ALAM - Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor (SPLASH) berhak mengeluar air di negeri ini selagi perjanjian induk itu belum dimuktamad, kata Dato Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

"Semua operator diberi Lesen Abstrakdisi Air untuk mengekstrak air mentah. Kalau tidak bagaimana hendak beroperasi. Ini bukan sahaja kepada SPLASH tetapi juga Puncak Niaga.

"Bagaimana Kerajaan Negeri boleh batalkan lesen hak pengeluaran air," katanya kepada pemerhati selepas majlis perhimpunan bulanan jabatan kerajaan di Dewan Jubli Perak, 17 Mac lalu.

Baru-baru ini, bekas Menteri

Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mempersoal tindakan Kerajaan Selangor mengeluarkan lesen kepada SPLASH.

Perjanjian dengan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) pada November 2014.

SPLASH, berdasarkan perjanjian asal diberi tempoh setahun sehingga 12 September 2015 untuk memuktamad perjanjian itu.

MB: Lebuh raya bukan penyelesaian tunggal

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor akan bertemu Kementerian Kerja Raya bagi membincangkan isu pembangunan infrastruktur awam, minggu ini.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali berkata, perbincangan

an itu dicadang menerusi surat selepas pembatalan pembangunan Lebuhraya Kinrara Damansara (Kidex) sebelum ini.

"Surat itu menyatakan keinginan Kerajaan Pusat membincangkan pengangutan awam secara menyeluruh, bukan lebuh raya.

"Saya sudah bersetuju dengan perjumpaan. Tarikh dan masa kita akan umumkan," katanya kepada pemberita.

Mohamed Azmin berkata pembinaan lebuh raya bukan penyelesaian tunggal kepada masalah trafik.

"Pihak berkuasa seperti Lem-

bagu Lebuhraya Malaysia (LLM) perlu dididik tentang ini, tidak semestinya lebuh raya.

"Kita patut bangunkan infrastruktur yang boleh menggerakkan orang ramai seperti Transit Aliran Massa (MRT), Transit Aliran Ringan (LRT) dan Transit Aliran Bas (BRT)," katanya.

RM2 juta untuk lahirkan tafifiz

SHAH ALAM - Sejumlah RM2 juta diluluskan bagi membentai pengajian tafifiz al-Quran bagi melahirkan generasi Islam berkualiti, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Menyatakan peruntukan dibuat melalui Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), beliau berkata, ia bakal mengembalikan kegemilangan tamadun Islam.

Katanya, Kerajaan Selangor mahu melahirkan generasi al-Quran dalam kalangan golongan profesional dan masyarakat awam melalui pendidikan Islam yang syumul

dan komprehensif.

"Pelbagai aktiviti berorientasi al-Quran dibuat bagi pembangunan rohani sekaligus mengimbangi pembangunan material.

"Kita mahu memupuk tradisi keilmuan berlandaskan sumber al-Quran," katanya ketika merasmikan Majlis Tilawah Al-Quran peringkat Negeri Selangor, 18 Mac lalu.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohamed Khusrin Munawi dan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kasim.



Amal kesederhanaan tolak ekstremisme

SHAH ALAM - Generasi muda perlu perlu diberi penerangan supaya tidak terpedaya dengan fahaman ekstremis agama, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

"Golongan militan cuba merampas Islam dan menggunakan nama Islam untuk memberi justifikasi terhadap kese-satan yang mereka bawa.

"Selangor rencam dari segi agama dan kebudayaan, jus-

teri kita bersyukur kerana dapat mengekalkan serta meneruskan keamanan dan kesejahteraan.

"Kita wajar melihat dengan serius ancaman keganasan dan penglibatan warganegara Malaysia dalam kegiatan ekstremisme di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Tilawah Al-Quran peringkat negeri ber tema 'Kesederhanaan Dipertahan Ekstremisma Dilawan' di Masjid

Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong, 17 Mac lalu.

Mohamed Azmin berkata, amalan sedemikian turut ditentang Rasulullah melalui hadis menyebut binasa bagi mereka yang sangat melampau.

Beliau berkata, perjuangan umat Islam menghadapi cabaran getir dalam menangani pemikiran melampau termasuk militan Islamic State (IS) yang bertentangan dengan al-Quran

dan sunnah.

"Gerakan ganas itu mengugat masa depan dunia. Sangat membimbangkan apabila mereka menggunakan kecanggihan maklumat mempengaruhi dan memperdaya generasi muda.

"Tindakan militan dan pelampau agama bertentangan dengan ajaran Nabi Muhammad SAW yang menekankan prinsip keadilan dan kesederhanaan," katanya.

Kena tegas pelihara kedaulatan negara

KUALALUMPUR-Malaysia perlu tegas menyatakan keimbangan berikutnya kehadiran tentera kuasa besar yang boleh mengganggu kestabilan serantau.

Ahli Parlimen Gombak, Mohamed Azmin Ali, berkata sidang kemuncak hujung tahun ini perlu digunakan sebaik mungkin bagi mengekal keharmonian serantau.

Katanya, persaingan antara Amerika Syarikat (AS) dan China di rantau ASEAN perlu diberi perhatian bagi memastikan keamanan.

"Kita melalui pengalaman perit kehilangan Pulau Batu Putih kepada Singapura. Apakah kita mahu kehilangan Kepulauan Spratleys pula?"

"Disyorkan resolusi keamanan

dan bebas di ASEAN dipertahankan," katanya pada perbahasan Titah Diraja di Parlimen, 16 Mac lalu.

Konsep ZOPFAN (Zone of Peace, Freedom & Neutrality) atau Zon Aman, Bebas dan Berkecuali diumumkan Menteri-menteri luar ASEAN melalui Deklarasi Kuala Lumpur pada 27 November 1971 di sini.

Jika dua kuasa besar AS dan China cuba mempengaruhi imbangan kuasa di ASEAN, katanya, ia akan menjelaskan keamanan Asia Tenggara. "Mengecewakan. Putrajaya begitu lemah di mata antarabangsa khususnya dalam persoalan keselamatan ASEAN di Laut China Selatan. ASEAN perlu kembali kepada konsep ZOPFAN," katanya.

GST bukan penyelesaian

SHAH ALAM - Pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) bermula 1 April ini bukan penyelesaian tunggal bagi meningkatkan pendapatan negara.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali sebaliknya berkata, pendapatan mampu ditingkat dengan memerangi ketirisan, rasa suah dan ketidaktelusan.

"Ada cara lain untuk menambah pendapatan. Lebih elok GST ditangguh," katanya pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Kerajaan 17 Mac lalu.

Benarkan Anwar ke Parlimen

KUALA LUMPUR - Parlimen patut membenarkan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk hadir ke Parlimen ketika persidangan berlangsung.

Sebagai Ketua Pembangkang yang sah, Ahli Parlimen Gombak, Mohamed Azmin Ali, berkata Anwar perlu dibenarkan hadir sebagaimana kehadirannya dalam kes mahkamah sivil.

"Speaker ada kuasa yang bebas dan peranan untuk dimainkan di dalam Parlimen bagi membenarkan Anwar hadir. Parlimen perlu membuktikan institusi itu bebas daripada pengaruh eksekutif," katanya pada sesi perbahasan Parlimen, 16 Mac lalu.

Kebebasan berbahas hilang

SHAH ALAM - Penahanan Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar menyebabkan ahli parlimen hilang kebebasan berbahas di Dewan Rakyat

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali menyifatkan penahanan itu sebagai zalim, curang dan tidak demokratik.

"Di mana kebebasan ahli parlimen jika kerajaan guna polis sebagai ejen menekan rakyat dan wakil mereka?

"Perdana Menteri bertanggungjawab memberi penjelasan," katanya kepada selepas menghadiri perhimpunan bulanan jabatan kerajaan, 17 Mac lalu.

Beliau mengulas penahanan Ahli Parlimen Lembah Pantai mengikut Seksyen 4(1) Akta Hatasan berikutnya ucapannya di Dewan Rakyat 10 Mac lalu.



Tanda-Tanda dan Rawatan Demam Denggi

Apakah tanda-tanda demam denggi?

- Kebiasaannya demam akan terjadi pada hari ke 3 hingga ke 14 selepas digigit oleh nyamuk yang dijangkiti, kebiasaannya di antara 4 hingga 7 hari.
 - Selalunya ia akan bermula dengan demam kuat yang mengejut, sakit kepala yang teruk/kuat, sakit pada bahagian belakang mata serta otot-otot dan sendi-sendi. Ruam merah di kulit juga boleh terjadi.
 - Demam ini boleh mencapai suhu 40-41°C, dan selalunya akan berlarutan selama 2 hingga 7 hari. Ia juga boleh menyebabkan serangan sawan dikalangan kanak-kanak di bawah umur 6 tahun. Sakit teruk pada tulang-tulang, otot-otot dan sendi-sendi.
- Demam denggi ini juga dikenali sebagai 'breakbone fever'**
- Ruam selalunya akan tumbuh pada hari ke 3 dan 4 selepas bermulanya demam.
 - Muntah dan kurang selera makan.



Pemastian Diagnosa Penyakit

- Antibodi akan dikesan di dalam darah (Dengue IgM) (Antibodi yang dihasilkan oleh sistem pertahanan badan untuk melawan jangkitan).
- Ujian PCR (kaedah mengesan genetik virus) boleh mengesan virus denggi di dalam darah dan nyamuk boleh didapati di sesetengah makmal.
- NSI antigen: satu lagi test yang mengesan virus ini pada peringkat awal/demam.



Rawatan

- Segera berjumpa doktor kerana tiada ubat yang khusus untuk merawat demam denggi.
- Rehat dan banyakkan minum air masak. Ubat paracetamol boleh diambil untuk menurunkan demam dan mengurangkan kesakitan.
- Elakkan ubat aspirin bagi kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.
- Antibiotik tidak diperlukan.



Shah Alam catat 72 penurunan

OLEH SYASYA SUFIAN

MAJLIS Bandaraya Shah Alam (MBSA) sentiasa mengambil langkah agresif dalam mengawal dan menjalankan pemeriksaan gerak gempur denggi bagi memastikan wabak berkenaan dapat dikurangkan.

MBSA menjalankan aktiviti kawalan berdasarkan notifikasi kes demam denggi yang diterima dari hospital bagi memastikan penduduk Shah Alam bebas daripada penularan wabak yang boleh meragut nyawa itu.

Timbalan Pengarah Korporatnya, Shahrin Ahmad berkata, pada minggu ke-10 (8 Mac sehingga 14 Mac) kes demam denggi dilaporkan menurun 214 kes daripada minggu sebelumnya iaitu 286 kes membabitkan 72 penurunan.

"Setiap masa, MBSA akan mengadakan aktiviti kawalan dan pemeriksaan di setiap kawasan Shah Alam.

"Bermula awal tahun sehing-

ga 14 Mac lalu, 10,316 premis diperiksa bersama Jabatan Kesihatan Persekutuan termasuk rumah kediaman, kedai dan sekolah untuk memastikan tiada jentik-jentik di kawasan terbabit.

"Dalam tempoh sama, MBSA mengeluarkan 156 kompaun kepada premis yang tidak menjaga kawasan sehingga menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes," katanya ketika dihubungi Selangor Kini.

Selain itu, katanya, MBSA membuat semburan fogging di 149,691 premis bagi tujuan memutuskan rangkaian penyakit demam denggi dengan membunuh nyamuk dewasa yang mungkin menjadi pembawa virus berkenaan.

"Pada masa sama, kami membuat kempen melalui 39,945 edaran risalah dan 665 poster sudah diedarkan kepada penduduk kawasan pentadbiran MBSA. Kita juga menjalankan 28 aktiviti gotong-royong

bagi membanteras kes demam denggi," katanya.

Shahrin berkata, MBSA meneru warga Selangor untuk berusaha menjaga persekitaran rumah dan tempat awam bagi mengekang penularan wabak denggi.

Beliau berkata, orang ramai perlu bertanggungjawab menjaga kawalan sampah dan air takungan serta tidak terlalu bergantung kepada MBSA sahaja kerana ia akan lebih berkesan hasil tindakan bersama.

"Saya berharap penduduk setempat mengambil masa 10 minit seminggu untuk memastikan kawasan sekitar tiada bekas takungan air yang boleh menyebabkan pembiakan nyamuk aedes."

"Jika terdapat sebarang pertanyaan berkenaan wabak berkenaan, orang ramai boleh menghubungi bilik gerakan denggi MBSA, di talian 03-55222793," katanya.

Denggi: Hanya 2 daerah meningkat

JUMLAH kes denggi tekini di Selangor mengikut statistik yang dikeluarkan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) adalah 17,885 kes dengan 85 kematian, bermula 4 Januari sehingga 16 Mac lalu.

Berdasarkan laman sesawang JKNS, jumlah keseluruhan lokaliti wabak di Selangor pada akhir minggu epid ke-9 mencatat 714 lokaliti.

Statistik menunjukkan dua daerah dilaporkan menunjukkan peningkatan kes denggi iaitu Hulu Langat yang men-

catat 378 kes, sehingga 7 Mac lalu dengan peningkatan 24 kes berbanding akhir Februari lalu.

Daerah Sepang juga menunjukkan peningkatan 15 kes denggi yang kini mencatatkan 317 kes di 31 lokaliti, berbanding bulan lalu.

Manakala, lokaliti wabak di enam daerah lain dilaporkan mencatatkan penurunan.

Sehingga kini, terdapat penurunan 7,183 kes denggi di Selangor berbanding akhir Februari lalu.



Amalan gotong-royong mampu menghalang kes denggi daripada terus meningkat



Pelbagai kempen digunakan bagi menghapuskan nyamuk aedes

Cari kaedah baru lebih berkesan

KES demam denggi di Selangor yang meningkat sejak awal Januari lalu amat membingangkan.

Adun Kota Damansara, Halimaton Saadiah Bohan berkata, Kerajaan Negeri perlu berusaha lebih dan menyeluruh dalam menangani masalah demam denggi ini yang melibatkan nyawa orang ramai.

"Sejak awal Januari sehingga kini kes denggi semakin meningkat, aktiviti yang dijalankan tidak menampakkan keberkesanan yang ketara.

"Perlu memikirkan kaedah yang lebih berkesan memandang aktiviti yang sedang dijalankan nampaknya kurang berkesan kerana bilangan kes demam denggi masih lagi tinggi.

"Kerajaan Negeri juga perlu ambil tindakan lebih serius mencari kaedah yang lebih



Halimaton Saadiah

berkesan berbanding kaedah sedia ada," katanya sewaktu dihubungi Selangor Kini.

Berikut itu, kempen yang lebih efektif dan meluas dalam memberikan kesedaran kepada orang ramai perlu dititik beratkan tentang bahayanya demam denggi.

TINJAUAN ORANG RAMAI

Statistik yang dikeluarkan Jabatan Kesihatan Selangor memperlihatkan peningkatan kes denggi di Malaysia iaitu 26,273 kes membabitkan peningkatan 43.7 peratus, sejak awal Februari hingga 12 Mac lalu, berbanding tempoh sama 2014. Dalam tempoh sama, Selangor mencatatkan bilangan kes denggi iaitu 16,354 yang terus memperlihatkan wabak berkenaan terus meningkat di negeri itu.



Masyarakat sendiri harus bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan, bukan sahaja di kawasan rumah, bahkan di tempat awam. Jaga kebersihan di kawasan rumah. Jangan biarkan air bertakung kerana ia menjadi faktor pemberian aedes terutama dalam pasu bunga. Pokok pisang juga boleh menjadi faktor penyebab kes denggi ekoran air mudah bertakung pada pelepahnya selepas waktu hujan.

Nur Hanis Rosli, Akauntan, 25

Kerajaan Negeri perlu berperanan mengadakan aktiviti atau program berkenaan aedes dan denggi berkonsep santai tetapi diisi dengan penuh maklumat membabitkan bahaya aedes, cara mencegah dan kesannya kepada pengidap. NGO juga boleh bekerjasama untuk terlibat dalam program membanteras denggi ini.

Ismi Fahmi Abdul Rahman, Pelajar, 22



Muafakat penduduk penting dalam usaha memerangi denggi. Kawasan mereka akan selamat daripada ancaman nyamuk aedes jika setiap penduduk berikan kerjasama untuk membanterasnya. Jawatankuasa kampung dan rukun tetangga boleh laksanakan aktiviti gotong-royong bulanan untuk pastikan tempat tinggal mereka selamat. Setiap masyarakat yang sayangkan diri dan keluarga wajar tahu berkenaan bahayanya nyamuk aedes.

Zaneerah Ariffin, guru tadika, 30



Wabak denggi tak kenal negara

Denggi masalah serantau

OLEH MOHD EZLI MASHUT

MASALAH denggi bukan sahaja menyerang Malaysia tetapi negara lain di Asia Tenggara termasuk Singapura dan Vietnam setiap tahun.

Pelbagai pendekatan turut diambil negara jiran bagi mengekang penularan wabak denggi daripada terus melanda termasuk peningkatan penguatkuasaan undang-undang dan pencegahan awal.

Kerajaan Singapura melaksanakan pelbagai pendekatan melalui kajian makmal, penguatkuasaan lebih tegas dan kesedaran awam bagi memerangi wabak denggi di negara itu.

Singapura terus mencatatkan penurunan wabak denggi ketika Malaysia mencatatkan peningkatan kes berkenaan, awal tahun ini.

Pada Januari dan Februari lalu, 1,637 kes denggi dilaporkan di Singapura dan ia menurun 40 peratus, berbanding tahun lalu iaitu 2,725 kes.

Agensi Alam Sekitar Kebangsaan Singapura (NEA) melaporkan mereka sudah memulakan kajian makmal terhadap nyamuk jantan aedes yang diberikan jangkitan bakteria *Wolbachia* yang akan merentangkan penetasan nyamuk *Aedes* seterusnya mengurangkan populasi, pada 11 Mac lalu.

Kerajaan Singapura juga menujuhkan panel pakar menilai keberkesanan kajian hasil penyelidikan itu yang akan menentukan tindakan selanjutnya.

Antara penumpuan utama agensi itu dalam mengawal wabak denggi adalah memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes dengan kerjasama bersepadu pelbagai agensi melibatkan pihak berkuasa tempatan dan pasukan khas yang diwujudkan untuk meriksa serta memusnahkan tempat pembiakan serangga terbatit.

Pada 2014, agensi itu mengerahkan 850 pemeriksa ke seluruh Singapura dan melaksanakan

3.5 juta pemeriksaan dan memusnahkan 18,400 habitat nyamuk aedes.

Bagi memastikan keberkesanan pemeriksaan itu, agensi itu turut mengenakan tindakan tegas ke atas kontraktor termasuk denda dan membawa mereka ke mahkamah.

NEA turut mengeluarkan 1,148 notis, 132 arahan berhenti kerja dan mendakwa 60 kontraktor yang mengulangi kesalahan yang masih berdegil.

Kerajaan Singapura juga mewujudkan kesedaran awam memusnahkan tempat pembiakan denggi dengan menyediakan 900,000 pemusnah serangga yang diberikan kepada penduduk ketika pemeriksaan dan kempen kesedaran.

NEA juga mewujudkan 4,500 sukarelawan termasuk penduduk, pelajar dan pasukan tindakan khas denggi untuk bersama agensi itu dalam pelbagai usaha kesedaran awam, pemeriksaan serta memusnahkan habitat denggi.

1/2 kes denggi berpunca dari tapak pembinaan

SEBAHAGIAN daripada kes denggi di Selangor berpunca dari kawasan tapak pembinaan di daerah Petaling kerana menjadi sarang utama pembiakan nyamuk aedes.

Exco Kesihatan Selangor, Dr Daroyah Alwi berkata, Kerajaan Negeri akan lebih fokus kepada enam kawasan yang akan diterjah antaranya pang-sapuri kos rendah dan beberapa hotspot.

Beliau berkata, kawasan utama yang bakal diterjah adalah tapak pembinaan di daerah Petaling kerana lokasi berkenaan menjadi penyumbang terbesar pembiakan nyamuk aedes.

"Hasil daripada laporan, terdapat 100 tapak pembinaan seluruh daerah Petaling dengan 77 kawasan didapati menjadi tempat pembiakan aedes. Setiap tempat ini memang banyak jentik-jentik yang perlu kita banteras secepat mungkin.

"Kementerian Kesihatan sudah melaksanakan operasi di tapak pembinaan sekitar Selangor bagi membendung peningkatan kes denggi selain mengurangkan risiko jangkitan.



Dr Daroyah Alwi

tan, bermula 10 Februari lalu," katanya ketika dihubungi Selangor Kini.

Kawasan lain yang menjadi punca pembiakan aedes adalah kampung yang berada di pinggir bandar dan operasi bersepadu di kawasan terbatit sudah dilaksanakan bagi membendung peningkatan kes denggi selain mengurangkan risiko jangkitan.

"Kita dapat lihat penurunan kes denggi di Selangor selepas empat minggu berturut-turut apabila operasi membanteras denggi dijalankan," katanya.

Vietnam catat 100 kematian setiap tahun

VIETNAM melaporkan purata 100,000 kes demam denggi termasuk 100 kematian setiap tahun di negara itu.

Tiga kematian akibat demam denggi dilaporkan di Bandaraya Ho Chi Minh iaitu 27 peratus lebih banyak berbanding tempoh sama tahun lalu apabila hanya seorang sahaja yang meninggal dunia.

Statistik Kementerian Kesihatan Vietnam menunjukkan negara itu mencatat lebih 5,200 jangkitan tahun ini termasuk 3,640 kes di selatan negara itu, pada Februari lalu.

Ketua Institut Pasteur Bandar Raya Ho Chi Minh, Dr Phan Trong Lan berkata, kes demam denggi bagaimanapun dilaporkan tidak meningkat tahun ini.

"Tetapi akibat dari perubahan

cuaca, demam denggi yang berpunca dari nyamuk aedes mengakibatkan demam panas dan sakit sendi.

"Pakar mengesan wabak demam denggi semakin meningkat sejak akhir tahun lalu di Hospital Ho Chi Minh (HCMC) dan wilayah berdekatan," katanya dipetik ThanhNien News.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, kes yang teruk perlu dirawat secepat mungkin bagi mengelakkan komplikasi hingga membawa maut. kerana kebanyakannya mangsa di Vietnam adalah kanak-kanak.

Doktor di HCMC berkata, ibu bapa perlu mengawasi anak mereka yang mengalami demam tidak normal dan segera menghantar mereka ke hospital untuk pemeriksaan lanjut.

9 keluarga dapat penempatan baru

OLEH NAZLI IBRAHIM

PAYA JARAS - Sembilan keluarga yang mendiami kawasan berhampiran Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) di Kampung Seri Indah B, di sini, akan diberi penempatan baru.

Penempatan baru diberi kepada penduduk terlibat disebabkan kawasan itu tidak selamat lagi untuk didukuki.

Adun Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman berkata, proses kelulusan penempatan baru yang juga terletak di kampung sama dijangka dapat diselesaikan, April ini.

"Rabu lalu (11 Mac), tayar Land Rover tentera terbang. Sebelum ini sebuah lori dengan muatan konkrit juga jatuh atas rumah orang, di sini.

"Kita berasasib baik sebab tia-



“ Kita dah periksa tempatnya, permohonan dah masuk dan surat sokongan juga dah dikeluarkan”

KHAIRUDDIN OTHMAN
Adun Paya Jaras

Kini, cuma tunggu borang 5A sahaja iaitu kelulusan geran," katanya ketika ditemui di sini, pada 15 Mac lalu.

Mohd Khairuddin berkata, penduduk terlibat akan diberikan tapak kediaman yang terletak di kampung sama.

"Semuanya ada 15 rumah tetapi paling penting adalah penempatan sembilan keluarga ini dahulu," katanya.

da kemalangan jiwa dalam dua kejadian berkenaan. Sebab itu, saya minta Pejabat Daerah, Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan Dato' Menteri Besar supaya menyeferakan isu penempatan semula semua penduduk di lereng lebuh raya ini.

"Kita dah periksa tempatnya, permohonan dah masuk dan surat sokongan juga dah dikeluarkan.

Trauma tayar hentam bumbung rumah

PAYA JARAS - Empat sekeluarga trauma tinggal di rumah sendiri selepas tayar sebuah trak tentera 'terbang' menghentam bumbung rumah mereka di Kampung Seri Indah B, pada 11 Mac lalu.

Tayar trak yang sedang ditunda itu terjatuh ketika kenderaan terbabit melalui lebuh raya milik Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) yang berkedudukan lebih tinggi iaitu terletak kira-kira 20 meter di belakang rumah berkenaan.

Penghuni terbabit, Sharifol Sharif, 53, berkata tayar itu jatuh betul-betul di bahagian dapur ketika empat anaknya sedang makan tengah hari sebelum ke sekolah.

"Ketika itu, saya sedang menghantar murid sekolah. Isteri saya kata tayar itu berdentum kuat, terpelanting betul-betul di bawah tempat anak saya tengah makan.

"Nasib baik bumbung baru tukar. Kalau bumbung lama, tayar itu memang boleh bolos dan

jatuh atas anak saya.

"Selepas kejadian itu, isteri dan anak saya trauma teruk. Mereka menggilir tiap kali dengar bunyi lori lalu," katanya.

Sharifol berkata, peristiwa itu adalah kejadian kedua.

Katanya, kejadian pertama berlaku kira-kira dua tahun lalu melibatkan sebuah lori membawa konkrit MRT seberat 60 tan terbasas dan menjunam ke atas rumah jirannya yang terletak selang tiga buah.

Sementara itu, Adun Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman berkata, sehingga kini Lembaga Lebuhraya Raya Malaysia (LLM) dan PLUS belum mengambil sebarang tindakan walaupun pernah datang melawat tahun lalu.

"Seharusnya, LLM dan PLUS membina tembok perlindungan atau langkah keselamatan lain untuk lindungi sembilan kediaman yang terletak di kawasan lebih rendah berhampiran lebuh raya itu," katanya.

Air bukit: Ramai sanggup beratur tepi jalan

SHAH ALAM - Sumber air bukit di Jalan Puncak Alam (Persiaran Mohktar Dahari) yang menghubungkan Batu Arang, Ijok dan Kuala Selangor semakin menarik perhatian apabila ramai yang sanggup beratur di tepi jalan berkenaan untuk menikmatinya.

Mereka datang tidak kira waktu dan jarak hanya kerana ingin mengambil air itu untuk dijadikan minuman atau perubatan.

Pekerja khidmat pelanggan, Tharmarajan, 38, berkata, sudah hampir setahun dia menggunakan air bukit itu dan akan singgah mengambilnya sebelum ke tempat kerja atau selepas pulang.

"Ramai orang kata air bukit ini bagus untuk kesihatan hingga sakit belakang sudah mula hilang sejak meminumnya. Saya juga dapat rasakan perbezaan air bukit ini dengan air mineral biasa kerana ia lebih segar," katanya.

Pesara guru, Mohd Darunai Bahar, 63, berkata dia pasti akan singgah ke kawasan itu untuk mengambil air yang lebih segar dan yakin dengan kebersihaninya apabila nasi yang dimasak



lambat basi berbanding air paip di rumah.

"Selalunya, air paip akan cepat berkeladak kalau disimpan dua atau tiga hari tetapi air bukit ini tetap jernih walaupun disimpan berminggu," katanya.

Sementara itu, peniaga, Osman Abdul Rahman, 69, berkata dia baru sebulan merasai air bukit itu apabila sering melihat orang ramai beratur di tepi jalan

untuk mengambilnya.

"Saya selalu singgah di sini ambil air sebelum pergi memancing kerana airnya segar dan percuma, malah cepat menghilangkan dahaga terutama pada musim panas," katanya.

Air bukit di kawasan itu dikatakan berpuncak dari air mata air semula jadi yang bersih dan tinggi mineral serta percuma membuatkan ia menjadi tum-

puan orang ramai.

Exco Kesihatan Selangor, Dr Daro-yah Alwi berkata, tiada sebarang aduan berkenaan masalah kesihatan disebabkan air bukit itu setakat ini.

Beliau berkata, naman masih perlu dikaji tahap kebersihannya kerana tiada sebarang penapisan walaupun datang dari kawasan bukit.

"Pihak Kementerian Sumber



Osman Abdul Rahman



Tharmarajan

Mineral dan Alam Sekitar perlu lebih peka dalam hal ini supaya tidak menjelaskan kesihatan pengguna kerana kawasan sekeliling bukit Puncak Alam semakin pesat membangun," katanya.

OLEH AFIX REDZUAN

Layang-layang kapal antara seni permainan rakyat yang kian dilupakan ramai sekalipun ia begitu popular kira-kira 30 tahun lalu.

Namun, ia kembali mencorak langit biru hasil kesedaran sebahagian generasi muda yang tidak mudah hanyut dek arus kemodenan.

Melalui Persatuan Layang-layang Kapal Kampung Bukit Kuching, Jeram di Kuala Selangor, ia menggamit nostalgia selepas kali terakhir ia dilayangkan pada 1986.

Langit yang selama ini sepi, kembali meriah dengan karya kreatif anak jati Selangor yang memekari suasana dengan layang-layang kapal.

Istilah ‘kapal’ digunakan berikutan ekor layang-layang itu menyerupai bentuk sebuah kapal sebagai mercu tanda keunikan seni Selangor.

Meskipun Malaysia sinonim dengan wau bulan yang terkenal di negeri Cik Siti Wan Kembang, namun keunikan ‘kapal’ pada layang-layang anak Selangor juga tidak kurang hebatnya.

Mula dimainkan sejak 1940-an, permainan tradisional itu subur di hati generasi keempat Kampung Bukit Kuching. Mereka sering berkumpul setiap petang umpama pesta keramaian.

Tidak kira muda maupun ‘otai’, keharmonian dikongsi bersama penduduk setempat sebagai aktiviti riadah di hadapan Sekolah Menengah Bukit Kuching.

Layang-layang kapal pencorak langit biru



Timbalan Pengurus Kumpulan Layang-Layang Cagat Kampung Bukit Tengah, Mohd Nazri Abdul Samad, berkata dua bahan utama untuk menghasilkan layang-layang itu ialah buluh dan kertas.

Ada beberapa jenis buluh utama yang boleh digunakan antaranya buluh duri, buluh mata rusa, buluh minyak dan buluh tembagga.

Sebatang buluh berukuran enam kaki diperlukan untuk menghasilkan sebuah layang-layang pada harga RM15.

Bagaimanapun, tidak semua buluh tumbuh di hutan, lebih-lebih lagi dengan kepe-

satan pembangunan yang kian menghakis hutan.

“Buluh terbaik ialah buluh duri tetapi ia sukar untuk didapati sekarang. Namun, yang penting ia-lah keanjalan buluh.

“Kalau cuma guna buluh biasa, layang-layang hanya boleh dimainkan dalam saringan pertama dan kedua sahaja.

“Kalau menggunakan buluh yang baik, layang-layang boleh disimpan sehingga lapan

tahun dan mampu bersaing dalam tempoh lama.

“Paling penting, kalau jatuh layang-layang tidak patah,” katanya kepada Selangor Kini.

Keunikan bentuk pula ber-gantung kepada kehalusan seni meraut buluh, selain kreativiti corak badan dengan aneka warna supaya nampak ‘hidup’ ketika di udara.

Ita memiliki corak dan reka bentuk tersendiri antaranya lukisan kasut, logo pasukan bola sepak dan jenama terkenal bidang sukan maupun kecantikan.

Ada dua kategori pertandingan iaitu tegak bermeter dan ponjot. Tegak bermeter biasanya dimainkan untuk

layang-layang individu manakala ponjot untuk layang-layang yang banyak.

Mengikut undang-undang antara bangsa, badan layang-layang kapal biasanya diperbuat dengan kelebaran hampir enam kaki dengan berat kurang 100gram manakala ketinggiannya sekitar 17 inci - bergantung kepada kreativiti pembuatnya.

Layang-layang kapal biasanya

dimainkan pada ketinggian lebih kurang 150 meter.

Bagi Mohd Nazri, kajian pendidikan layang-layang perlu diwujud di peringkat sekolah sehingga institut pengajian tinggi supaya warisan sedia ada tidak luput ditelan zaman.

“Di beberapa negeri seperti Kelantan dan Johor, kajian mengenai wau sudah dibuat. Kami cadangkan supaya inisiatif itu diwujudkan,” katanya.

Beliau yakin permainan itu boleh dijadikan batu loncatan bagi menarik pelancong ke Selangor jika pelbagai pertandingan seumpamanya diwujudkan di peringkat negeri.

Selain itu, nilai sebuah layang-layang kapal mampu mencecah ratusan ringgit jika banyak memenangi pertandingan melalui cop penghargaan yang ditampal pada badan layang-layang.

“Kita akan terus kaji buluh, keratas, bentuk dan undang-undang permainan. Yang penting layang-layang dapat mengharmonikan masyarakat.

“Kalau kami jumpa buluh yang betul, ia akan dibawa pulang dan ditanam semula,” katanya yang berterima kasih kepada Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) kerana memberi galakan kepada anak muda tempatan bermain layang-layang kapal.



SELANGOR

SIDANG PENGARANG

KETUA PENGARANG: Fazallah Pit

PENGARANG BERITA: Hafizh Mokhtar & Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG Mohd Ezli Mashut

PEMBANTU PENGARANG: Rusidah Salim

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com, Afiz Redzuan : afixedzuan@gmail.com, Lizawati Madfa : lizalyn84@gmail.com, Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim : nazlibrahim@gmail.com,

Syasya Sufian : syazwanisufian@ccsb.selangorku.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com



Adun Selat Klang, Dr Halimah Ali menyampaikan sumbangan kepada Program Pendidikan Khas Sekolah Rendah Telok Gadong dan menyampaikan diari dan kalender Adun Selat Klang



▲ Adun Taman Medan, Haniza Talha menyampaikan sumbangan kepada warga emas dan ibu tunggal sekitar DUN Taman Medan



▲ Adun Kuang, Abdul Shukur Idrus, menerima cenderamata selepas merasmikan Klinik 1 Malaysia, di Bandar Tasik Putri, yang beroperasi hampir 2 tahun



▲ Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial bergelar johan selepas merangkul enam emas daripada lapan pertandingan dalam Sukan Antara Fakulti (SAF) 2015 Kampus Bestari Jaya, UNISEL



▲ Menerima buah limau sebagai tanda penghormatan. Adun Hulu Kelang, Saari Sungib meraikan sambutan Tahun Baru Cina anjuran penduduk Sunway Rydges yang diadakan di Bukit Melawati

OLEH HAIRIL ASWAD
ABDUL RAHMAN

Menyelak sepintas lalu antologi Ajarkan Kami Berpuisi, terbaca sajak berjudul Wajah-wajah Yang Kusentuh karya Mawar Marzuki. Ia sangat menyentuh hati. Lantas membelinya.

Menjadi buku berbahasa Melayu pertama dimiliki sejak pulang ke Semenanjung Malaysia. Tahun-tahun di Borneo banyak dihabiskan dengan menelaah buku teks sains dalam bahasa Inggeris.

Antologi itu himpunan karya bersama tiga penulis. Selain Mawar ialah Raja Syahrul Helmi dan Mohamad Farez Abdul Karim. Ia memuatkan 94 sajak - 34 karya Mawar, Raja Shahrul (27), dan Mohamad Farez (33). Juga mengandungi 15 lakaran karya Fathullah Luqman Yusuff.

Sajak pertama ialah Ajarkan Aku Berpuisi, tulisan Mawar.

Kau katakan kepadaku "ajarkan aku berpuisi" lalu kupertik selebar angin yang berpusar dan ku letakkan di genggamanmu. Lalu katamu, "aku pinta kau mengajar aku berpuisi... Lihat! Lembar angin itu berpusar laju dan hilang tika ku buka genggaman." Lantas kukukejar lembar angin itu dan kuletakkan di genggamanmu sekali lagi. "Aku tidak boleh meraut pensel puisi dengan tangan yang menggenggam angin" katamu kurang sabar. "Kau guruku... ajarkan aku berpuisi seperti ini." Aku tersenyum tika kau membuka genggamanmu angin itu berpusar dan berlalu. "Anak muda, angin itu berlalu laju tapi telah kau rasa pusaran nya tulislah puisimu tentang angin itu yang berlalu tapi pernah menari lembut dalam genggamanmu." Tidak mengenali Mawar se-

Tentang penulis tidak cerdik



Mawar Marzuki



Raja Syahrul Helmi



Mohamad Farez Abdul Karim

cara peribadi, selain berinteraksi di Facebook. Beliau banyak memuat naik karya di situ.

Ternyata, kerjaya sebagai pendidik banyak mempengaruhi tema karyanya.

Mawar menulis hal-hal yang berlaku sekelilingnya. Setiap karyanya adalah pengalaman asli, bukan direka-reka hingga mampu memberi sentuhan peribadi di hujung mata pena.

Sajak Ajarkan Aku Berpuisi berkisar soal anak muda yang berkeinginan belajar tetapi gopoh dan terburu-buru. Kerana itu, sukar baginya mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran.

Kau katakan kepadaku "ajarkan aku berpuisi" lalu kupertik selebar angin yang berpusar dan ku letakkan di genggamanmu. Lalu katamu, "aku pinta kau mengajar aku berpuisi... Lihat! Lembar angin itu berpusar laju dan hilang tika ku buka genggaman."

Seorang guru tidak pernah serik untuk mengajar. Sedia mengulanginya hingga murid faham sekali pun si murid kekal gopoh dan terburu-buru.

Lantas kukukejar lembar angin itu dan kuletakkan di genggamanmu sekali lagi. "Aku tidak boleh meraut pensel puisi dengan tangan yang menggenggam angin" katamu kurang sabar. "Kau guruku... ajarkan aku berpuisi seperti ini."

Sikap itu menyukarkan murid memahami ajaran guru. Bukan kerana tidak cerdik tetapi tidak mahu meluangkan masa memahamkannya - lebih suka jika disuap dan terus kepada



Antologi Tiga Penyair

Ajarkan Kami Berpuisi

Mawar Marzuki | Raja Syahrul Helmi | M Farez

Dari satu sisi, sajak itu penghargaan Mawar untuk rakan sejawatnya - golongan pendidik yang tidak serik mengajar, melaksanakan tugas dengan tekun dan sabar.

Dari sisi lain, ia kritikan halus terhadap penulis terutama golongan baru dan muda supaya lebih tenang dan tidak gopoh dalam melahirkan karya. Kegopohan selalunya mencatutkan mutu penulisan.

Ambil masa untuk memilih tema, memahami isu dan menyusun kata-kata.

Tulis sesuatu yang asli dari pengalaman sendiri, pengamatan sekeliling atau pembacaan buku. Ikut kemampuan sendiri.

Itu yang cuba disampaikan Mawar.

"tulislah puisimu tentang angin itu yang berlalu tapi pernah menari lembut dalam genggamanmu."

Si guru memberi kebebasan penuh kepada

da muridnya untuk menulis mengikut kefahaman sendiri. Dia cuma mendorong muridnya supaya bereksplosari.

Begitulah juga halnya penulis yang mahu menyampaikan apa yang dia percaya, bukan sesuatu yang disogok. Juga bukan apa yang pembaca hendak baca atau beli.

SENJA SUDAH BERLABUH

Beberapa orang bapa-bapa begitu tekun menjala senja, setelah putus asa tak dapat memadam perang di rambut mereka yang menyilau mata perempuan-perempuan muda.

Beberapa orang ibu-ibu tua begitu cemas membasuh muka setelah tiba-tiba melihat pudar kening matanya yang tak lagi melengkung memerangkap anak-anak ikannya.

Karl Agan

OLEH NURUDDIN ABU BAKAR

Hubunganku dengan Madam Buchanan sebenarnya amat mesra sejak kami punya kesempatan berbual panjang tempohari. Selalunya dia akan datang setiap 3 haribulan untuk pungut sewa, namun selepas itu, setiap pagi ahad dia akan datang bawa penkek yang masih panas dengan aroma yang menggiurkan.

Dia selalu pakai topi bowler apabila datang dan tersenyum tatkala aku buka pintu. Usianya yang sudah menjangkau 70 masih kelihatan berseri dan manis dipandang. Mungkin kerana dia berkulit putih atau berbangsa inggeris. Aku akan bukakan jaket labuhnya dan memimpinnya ke ruang tamu, duduk di depan TV.

Kemudian, aku akan buat teh panas untuknya dan bercerita tentang apa saja.

Kalau kebetulan Sofia berada di rumah, dia akan menemani kami. Walau-pun aku dan Sofia tidak ada hubungan yang sah, Madam Buchanan tidak pernah bertanya tentang hubungan hedonis kami.

Aku percaya dia tahu yang kami bukanlah suami isteri kerana Sofia tinggal bersebelahan. Malah, menurut Sofia, Madam Buchanan mungkin mengelam wajahnya.

Kepetahannya berbahasa melayu buat aku kagum. Menurutnya dia sendiri sudah lama tidak menuturkan bahasa ibundanya.

"Kadang-kadang aku kecil hati bila orang tanya bagaimana aku fasih berbahasa melayu." Katanya.

Menurutnya dia sudah lebih 50 tahun berada di Malaysia. Selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963 dia berhijrah dari Sabah ikut arwah suaminya yang ditugaskan mengurus estet di sini.

Aku pernah ingin bertanya tentang anak-anaknya (jika ada), tapi aku bimbang dia berasa kurang selesa. Aku pernah bertanya dia tinggal dengan siapa di rumah, namun dia terus diam dan perbualan kami terbengkalai.

Aku cuba minta maaf, semasa menemaninya ke pintu namun dia tetap tersenyum dan kata, dia perlu balik siram pokok bunga.

Jadi selepas itu, aku mengambil keputusan untuk tidak bertanya apa-apa lagi tentang hal-hal peribadi yang mungkin boleh menyentuh perasaannya.

Dia masih datang pada minggu depannya, semasa perayaan tahun baru cina –seperti biasa, bawa penkek yang masih panas. Hari itu dia kata, dia tidak cukup tidur kerana bunyi mercun roket yang bising. Kemudian dia bercerita



tentang seorang birokrat zaman dinasti Ming, bernama Wan Hu yang mahu ke bintang.

Wan Hu mengumpul pembantunya seramai 47 orang dan menyuruh mereka memasang 47 mercun roket dan mengikatnya pada kerusi, bersama-sama. Dia memakai pakaian yang cantik untuk meraikan odisinya. Setelah sumbu dinyala, mercun roket pun meletup. Wan Hu lenyap bersama kerusinya dan hilang tanpa jejak.

"Kita tahu, dia mungkin mati." Kata-nya. "Tapi aku berharap boleh jadi se-pertinya, punya cita-cita besar."

"Tapi bukankah itu suatu tindakan yang bodoh?"

"Aku tidak melihatnya begitu. Bagi aku dia telah membuktikan sesuatu kepada umum."

"Apa yang dia buktikan?"

"Dia hilang tanpa dikesan. Kita tak tahu dia ke mana."

"Tapi ini kan mitos, Hang Tuah pun mitos. Dia juga hilang."

"Maksud aku begini, boleh jadi dia tahu atau tidak tahu konsekuensi yang dia akan mati, tapi dia tetap mahu mencubanya."

Mitos atau tidak, ianya terpulang. Bagi aku kehilangannya itu adalah satu pembuktian –yang impian tidak seharusnya dipadam. Ia harus dinyalakan, seperti api yang membakar sumbu me-

rcun roket itu."

Kemudian, dia kata dia juga ingin ke bintang. Dan berharap ada sesiapa yang membantunya. Hari itu adalah hari yang panjang buat Madam Buchanan di rumah. Dan itulah kali terakhir aku jumpa Madam Buchanan.

Sekarang, Madam Buchanan sudah dua bulan tidak datang. Aku berasa khawatir akan kesihatannya. Aku menyelal kerana tidak sempat bertanya tentang alamat tempat tinggalnya.

Selama hampir setahun aku menyewa di rumahnya sehingga dia mula melawatiku setiap minggu aku tidak pernah bertanya tentang hal ini. Aku mula rasa bersalah.

Apabila aku tanya Sofia, dia juga tidak tahu apa-apa. Madam Buchanan tidak pernah mesra dengan penyewa-penyewanya yang lepas, apa lagi jiran-jiran di sini, katanya.

Sofia bagi aku idea untuk melaporkan hal ini ke balai polis. Mulanya aku anggap itu adalah idea yang baik. Namun selepas berfikir tentang kebarangkalian jika Madam Buchanan masih tidak dijumpai selepas aku melaporkannya kepada pihak berkuasa – dan aku akan diarah untuk mengosongkan rumahnya aku rasa ianya tidak berbaloi.

Di mana aku harus tinggal? Harga sewa rumah milik Madam Buchanan adalah satu-satunya yang termurah per-

nah aku temui. Aku tidak nafikan, mungkin tindakanku ini seperti mementingkan diri sendiri. Tapi aku tiada pilihan.

Dan aku berharap mencari rumah sewa baharu bukanlah sebahagian daripada pilihan yang aku terpaksa pilih, buat masa sekarang.

Namun kata Sofia, teoriku melucukan. Mana mungkin polis punya hak untuk memberi notis pindah, katanya.

"Sepatutnya, ia kuasa tuan rumah."

"Aku pasti kau pun kurang yakin tentang undang-undang yang terpakai untuk hal macam ini jadi aku fikir baik tak payah lapor."

"Tapi bagaimana jika Madam Buchanan dalam kesusahan?"

Ada betulnya kata Sofia. Bagaimana jika Madam Buchanan diculik? Bagaimana kalau dia sakit dan tiada orang yang mengetahuinya kerana dia tinggal bersendirian? Aku benar-benar mati akal.

Namun akhirnya aku diburu satu lagi persoalan yang aku kira penting: bagaimana jika dia benar-benar telah ke bintang, dan hilang tanpa kesan seperti Wan Hu? Mungkin ya, dia cuba buktikan sesuatu kepadaku.

Akhirnya aku mengalah.

Setiap hujung minggu, aku hanya duduk di ruang tamu depan TV, tercari-cari aroma penkek segar yang masih ponteng.

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menjalankan kerjasama dengan Maybank bagi membantu pembeli rumah Taman Selayang Mutiara mendapatkan pinjaman.

Kerjasama itu bagaimana mudahkan urusan mereka yang sebelum ini berhadapan masalah mendapatkan pinjaman bank untuk membeli rumah berkenaan.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, Kerajaan Negeri bertindak selaku penjamin bayaran balik penduduk berkenaan.

"Kita melihat sudut nilai harta tanah di sana sangat tinggi, sedangkan mereka hanya perlu membuat pinjaman RM170,000 sahaja dengan aset sudah mencecah nilai hampir RM400,000.

"Sebab itu, tidak ada masalah kita usahakan dan segalanya boleh diselesaikan," katanya kepada Selangor Kini, pada 16 Mac lalu.

Katanya, setakat ini tiada penduduk yang menolak un-

Pembeli Selayang Mutiara dapat pinjaman

tuk membuat pinjaman kerana nilai harta tanah berkenaan sudah meningkat dan akan menjadi aset kekal mereka.

"Dulu PKNS memang ada tawarkan sesiapa yang tidak berminat membuat pinjaman boleh menyerahkan semula kepada perbadanan itu.

"Lebihan duit akan diserahkan kepada mereka. Kita minta diteruskan memandangkan sudut nilai harta tanahnya sudah tinggi demi kepentingan mereka. Baki 139 orang ini tidak ada yang menolak untuk membuat pinjaman," katanya.

Semua mereka dibawa menuki dua buah bas ke Maybank cawangan Shah Alam untuk menghantar permohonan pinjaman.

Zaidy yang juga Adun Taman Templer meluangkan masa



Tawaran pinjaman ini diharap dapat meringankan beban yang ditanggung pembeli selama ini

meninjau perkembangan proses permohonan pinjaman yang berlangsung selama dua hari pada 16 dan 17 Mac lalu.

Pada 24 Februari lalu, beliau bersama penduduk mengadakan majlis kesyukuran di Taman Selayang Mutiara dan membuat

penyampaian tawaran pinjaman kepada penduduk asal yang daulunya dikenali sebagai setinggan Bukit Botak, Selayang.



Mohd Zahir Osman



Hon Tin Loi

Gembira inisiatif bantu permudah urusan

SHAH ALAM - Penduduk Taman Selayang Mutiara gembira dengan inisiatif Kerajaan Negeri yang membantu mereka mendapatkan pinjaman bank selepas menanti sekian lama.

Beberapa penduduk yang ditemui Selangor Kini lega dengan tindakan itu dan berharap permohonan pinjaman penuh mereka menjadi kenyataan.

Mohd Zahir Osman, 30, berkata sebelum ini sukar untuk mendapatkan pinjaman bank kerana masalah penyata bulan-

an memandangkan dia bekerja sendiri.

Katanya, usaha itu diteruskan bagi memenuhi amanat arwah bapanya yang mahu dia menjaga rumah berkenaan.

"Harapan saya, semua penduduk asal setinggan dapat tinggal di rumah baru ini. Dahulu, kita semua sekampung dan berharap dapat kembali seperti dahulu.

"Saya ada tengok rumah dan berpuas hati. Tambahan rumah atas tanah, nak dapatkan harga

yang diberikan PKNS jauh beza dengan di luar," katanya.

Bagi Hon Tin Loi, 60, dia sangat berterima kasih kepada Zaidy dan Kerajaan Negeri yang membantu mereka.

Katanya, sebelum ini bank menolak permohonan pinjaman disebabkan faktor umur dan dia sudah mula tinggal di kawasan Bukit Botak, sejak 1982.

Harapan sama turut diluaran A Jayanthi, 26, yang berharap dapat menduduki rumah itu dalam masa terdekat.

Karnival Kampungku Kesayanganku
Daerah Sabak Bernam
20-21 MAC 2015
MASJID MA'MUNIAH, SIMPANG 5

Pameran & Jualan, Pertandingan Mewarna, Pertandingan Gubahan & Masakan, Sukaneka, Suppa Doopa, Kenduri Rakyat, Forum Perdana, Tahnik Dan Lain Lain Aktiviti Menarik

Anjuran Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa & Kampung Tradisi

Peruntukan RM89,000 baiki tebing runtuh Jalan Kinrara 2



OLEH HAFIZAN TAIB

PUCHONG - Peruntukan sebanyak RM89,000 digunakan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) bagi menjalankan kerja pembaikan tebing jambatan runtuh di Jalan Kinrara 2, Bandar Kinrara di sini.

Adun Kinrara, Ng Sze Han, berkata ekoran kos tinggi itu MPSJ perlu menjalankan proses sebut harga untuk melantik kontraktor layak menjalankan kerja pembaikan.

"Ia kejadian pertama dan segala kos ditanggung MPSJ. Ia mengambil sedikit masa kerana perlu menjalankan kajian teknikal serta pengiraan kos bagi mem-

baik pulih tebing runtuh ini.

"Tempoh diberikan kepada kontraktor untuk membaikkan itu adalah dua bulan iaitu bermula Mac hingga April ini, bagaimanapun jika boleh disiapkan awal lebih baik," katanya dalam sidang media.

Kawasan tebing jambatan itu runtuh, November tahun lalu dan tindakan awal MPSJ adalah menudupnya dengan kanvas supaya tanah terdedah tidak terkena air hujan yang menyebabkan tanah runtuh lebih serius.

MPSJ juga meletakkan tali rintangan keselamatan untuk memaklumkan pengguna jambatan dan jalan raya berhubung kejadian berkenaan.

Sita lori sampah, pantau pembakaran

SHAH ALAM - Tindakan tegas perundangan termasuk denda dan penjara menanti pihak yang ingkar menyebabkan pembakaran terbuka dan menyusahkan penduduk setempat.

Exco Alam Sekitar, Elizabeth Wong (**gambar**), berkata Kerajaan Negeri memantau masalah membenggu kira-kira 500 penduduk di Kampung Sungai Serai, Kajang yang mengadu sesak nafas ekoran pembakaran terbuka di kawasan itu.

"Sesiapa yang masih degil

akan didakwa ke mahkamah dan hukuman jika didapati bersalah adalah denda maksima RM500,000 atau penjara maksima lima tahun," katanya ketika dihubungi Selangorkini.

Elizabeth menganggap masalah itu serius dan boleh mengundang masalah kesihatan kepada penduduk berham-piran.

"Kita tidak mahu perkara itu akan mengundang rasa tidak selamat penduduk seterusnya kesihatan mereka terganggu," katanya.



PKNS

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (SELANGOR STATE DEVELOPMENT CORPORATION) KENYATAAN TENDER PRA-KELAYAKAN

Pra-Kelayakan adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor BUMIPUTERA yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan. Serta sudah membuat pendaftaran GST dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

**CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN 74 UNIT KEDAI PEJABAT 2 DAN 3 TINGKAT SERTA 18 UNIT BAZAR DI FASA 7, LAMAN 1, BERNAM JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.
(NO. KONTRAK PKNS/IP/BJ/KON-03/2014)**

No	PERKARA	HURAIAN
1.	Skop Kerja	<ul style="list-style-type: none"> 1. Kerja-kerja Awalan 2. Kerja-kerja Bangunan 3. Kerja-kerja Mekanikal & Elektrikal 4. Kerja-kerja Infrastruktur 5. Kerja-kerja Lanskap 6. Kerja-kerja lain yang berkaitan
2.	Syarat-syarat Pra-Kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> 1. Syarat pendaftaran adalah berdaftar dengan CIDB Gred G7 Pengkhususan B04, CE21 2. Perakuan Pendaftaran Kontraktor Bertaraf Bumiputera dari Pusat Khidmat Kontraktor (PKKK) (Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh CIDB dari memasuki tender tidak layak untuk memasuki Pra-Kelayakan) 3. Berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia didalam GST 4. Mempunyai Pengalaman 'Classic' atau 'CONQUAS' bagi projek perumahan 5. Mempunyai penyiilan dan pengalaman kerja seperti yang disenaraikan di bawah : <ul style="list-style-type: none"> i) SistemPengurusanKualiti (MS ISO 9001:2008) ii) Amalan kerja yang baik berkaitan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OHSAS 18001:2007) iii) Pengurusan Alam Sekitar (ISO 14001:2004) (Salinan sijil atau apa jua bukti hendaklah dikemukakan bersama dokumen Pra-Kelayakan) 6. Mempunyai keupayaan kewangan dan keupayaan Teknikal <ul style="list-style-type: none"> i) Nilai 'Nett Worth' melebihi RM 3.0 Juta atau Modal Pusingan melebihi RM 1.5 Juta ii) Nilai tahunan keseluruhan kerja yang telah dilaksanakan dengan jayanya dalam tempoh lima (5) tahun lepas tidak kurang daripada RM20 Juta iii) Rekod prestasi kerja yang memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun lepas dari segi tempoh penyiapan dan mutu kerja iv) Pengalaman projek sebanding
3.	Borang Pra Kelayakan	<p>Borang Pra-Kelayakan boleh diperolehi di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Tingkat 7, Menara HPAIC, Laman Seri Business Park, No. 7, Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan dari 04 Mac 2015 sehingga 25 Mac 2015 semasa waktu pejabat, tidak lewat dari 5.00 petang dari Isnin hingga Jumaat.</p> <p>Borang Pra-Kelayakan hanya akan dikeluarkan kepada-kepada Kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Kontraktor ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa dan membawa bersama sijil asal pendaftaran serta pengesahan pendaftaran GST dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.</p> <p>Bayaran Dokumen Pra-Kelayakan RM50.00 yang perlu disediakan dalam bentuk Wang Posatau Bank Draf atasnama : PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR. (Bayaran ini tidak akan dikembalikan)</p>
4.	Penyerahan Dokumen	<p>Borang yang telah lengkap dengan CV terperinci berserta dokumen-dokumen sokongan hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat yang dimeterai dan bertulis dengan jelas tajuk projek hendaklah dihantar dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat :-</p> <p>Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Tingkat 7, Menara HPAIC, Laman Seri Business Park, No. 7, Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. No. Tel : 03-55201234 atau layari Web Tender PKNS di http://etender.pkns.gov.my</p>
5.	Tarikh Tutup Penyerahan Pra-Kelayakan	26 Mac 2015 sebelum jam 12.00 Tengahari
<ul style="list-style-type: none"> • Dokumen yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Hanya Kontraktor-kontraktor yang disenarai pendek sahaja akan dimaklumkan dan layak ke peringkat Tender seterusnya 		

Program berbasikal mampu lahirkan pelumba antarabangsa

SHAH ALAM - Penganjuran pelbagai program sukan berbasikal di seluruh negeri mampu melahirkan pelumba profesional bertaraf antarabangsa khususnya bagi anak kelahiran Selangor.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari berkata, ketika ini kesedaran dan minat dalam kalangan golongan belia terhadap sukan terbabit mendapat sambutan mengalakkam.

"Contohnya, baru-baru ini, saya merasmikan Jamboree, peserta kena menunggang hampir 100 kilometer, tetapi penyertaan mencecah 2,400 pelumba amatur."

"Ini jelas membuktikan bahawa golongan muda tidak menolak sukan ini," katanya ketika

ditemui selepas majlis perlepasan Le Tour De Langkawi 2015, di sini.

Amirudin berkata, persatuan sukan berbasikal dan Majlis Sukan Negeri (MSN) perlu lebih teliti dalam merangka pelan strategik daripada pelbagai program pembangunan sukan itu.

Katanya, hal itu kerana sukan terbabit menjadi trend masa kini yang perlu diberi lebih perhatian.

"Kita kena mengambil peluang untuk mengasah bakat sedia ada dan kaji bagaimana cara itu perlu dilakukan."

"Walaupun Selangor melahirkan atlet yang baik seperti Shahruh Afendi, namun kita masih memerlukan pelapis dalam sukan ini," katanya.



PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada perseorangan BUMIPUTERA warganegara Malaysia untuk Tawaran Jualan bagi Lot Banglo Di Bandar Baru Bangi bagi tapak dan kawasan seperti berikut :-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	KELUASAN LOT	JENIS PAJAKAN	HARGA REZAB (RM/SKP)	TARIKH TENDER DITUTUP
TAPAK LOT BANGLO NO. 4, JALAN 2/1H, SEKSYEN 2, BANDAR BARU BANGI. NO. HAKMILIK HS(D) 107893 PT 59849	7,373 KPS	99 Tahun	RM 68.00 / Sekakipersegi	7 April 2015 Jam 12.00 Tengahari
TAPAK LOT BANGLO NO. 2, JALAN 3/63, SEKSYEN 3, BANDAR BARU BANGI. NO. HAKMILIK HS(D) 101208 PT 55034	19,827 KPS	99 Tahun	RM 76.00 / Sekakipersegi	7 April 2015 Jam 12.00 Tengahari
TAPAK LOT BANGLO NO. 4, JALAN 4/9B, SEKSYEN 4, BANDAR BARU BANGI. NO. HAKMILIK HS(D) 109001 PT 60811	17,115 KPS	99 Tahun	RM 71.00 / Sekakipersegi	7 April 2015 Jam 12.00 Tengahari
TAPAK LOT BANGLO NO. 1, JALAN 4/9H, SEKSYEN 4, BANDAR BARU BANGI. NO. HAKMILIK HS(D) 159819 PT 76851	12,038 KPS	99 Tahun	RM 63.00 / Sekakipersegi	7 April 2015 Jam 12.00 Tengahari
TAPAK LOT BANGLO NO. 2, JALAN 9/10G, SEKSYEN 9, BANDAR BARU BANGI. NO. HAKMILIK HS(D) 129447 PT 67526	18,912 KPS	99 Tahun	RM 80.00 / Sekakipersegi	7 April 2015 Jam 12.00 Tengahari

1. Bayaran Dokumen Tawaran adalah RM 50.00 dan hendaklah dibuat dalam bentuk Draf Bank atau Kiriman Wang di atas nama PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (bayaran ini tidak akan dikembalikan). Dokumen Tawaran boleh didapatkan di Bahagian Perolehan Tingkat 7, Menara HPAIC SEKSYEN 13 SHAH ALAM

2. Naskah Dokumen Tawaran boleh disemak dan diperolehi di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula 16 Mac 2015.

3. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada perseorangan / individu yang sahsaja. Sekiranya ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Wakil dikehendaki membawa SURAT PERWAKILAN KUASA semasa membeli dokumen tender.

4. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri berserta wang deposit sebanyak RM 5,000.00 dalam bentuk Draf Bank di atas nama PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR dan di masukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

BAHAGIAN PEROLEHAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
TINGKAT 7 MENARA HPAIC, LAMAN SERI BUSINESS PARK,
NO.7, PERSIARAN SUKAN SEKSYEN 13,
40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
No. Tel : 03-55201234
<http://etender.pkns.gov.my>

5. Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan di layan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling Tinggi atau sebarang tawaran lain.

Naik taraf kubah masjid



SHAH ALAM - Kerja menaik taraf kubah Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dijangka akan dilaksanakan April depan.

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK), Datuk Mohammed Khusrin Munawi, berkata projek menaik taraf kubah masjid itu dilaksanakan secara tender terbuka yang disiarkan di media cetak pada 12 Februari dan tutup pada 12 Mac lalu.

"Dijangka kerja menaik taraf kubah masjid ini akan bermula pada April dengan tempoh 18 bulan untuk disiapkan," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, perancangan bagi menaik taraf kubah masjid berkenaan sudah dimulakan sejak tahun lalu dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor diminta membuat penilaian teliti berkaitan kerosakan, termasuk cadangan pembaikan.

Terdahulu, penduduk sekitar dan

Projek menaik taraf kubah masjid itu dilaksanakan secara tender terbuka yang disiarkan di media cetak pada 12 Februari 2015 dan tutup pada 12 Mac lalu

pengunjung melahirkan rasa kecewa apabila melihat kubah dan dindingnya seperti tidak diselenggara dengan sempurna.



Kempen kesedaran terhadap pentingnya minum air kosong diharap dapat mengurangkan risiko bahaya musim panas ekstrem

Minum air banyak elak strok

SHAH ALAM - Orang ramai dinasihatkan minum air kosong sekurang-kurangnya tiga liter sehari untuk mencegah kematian akibat strok haba ketika musim panas ekstrem, ekuinoks.

Exco Kesihatan, Dr Daroyah Alwi berkata, Kerajaan Negeri melancarkan Kempen Jom Minum Air bagi menggalakkan orang ramai menjadikan tabiat minum air kosong sebagai satu budaya.

"Kita berharap semua pihak ter-

masuk pekerja buruh, kontrak atau murid sekolah dapat kurangkan aktiviti luar.

"Diingatkan minum air kosong banyak untuk elak dehidrasi," katanya selepas melancarkan kempen Jom Minum Air serta Jom Sihat SUK Selangor.

Mengulas Kempen Jom Sihat, Daroyah mengingatkan semua penjawat awam untuk kekal sihat dan cergas dalam memastikan kelancaran pentadbiran Kerajaan Negeri.

Curi peti surat penjara 7 tahun

SHAH ALAM - Perbuatan mencuri peti surat sama seperti kesalahan jenayah lain di bawah Seksyen 379 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum penjara maksimum tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya.

"Mencuri peti surat memang menyusahkan masyarakat yang mungkin menyebabkan dokumen mereka tak selamat kerana penutup peti surat dicuri.

"Biasanya, peti surat yang diperbuat daripada besi dicuri untuk dijual di pusat jualan besi buruk. Ia adalah kesalahan mencuri di luar premis dan jika sabit kesalahan boleh dipenjara tujuh tahun," kata Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Yahaya Ramli.

Yahaya berkata, isu kecurian peti surat boleh dikurangkan dengan mewujudkan kerjasama penduduk setempat yang peka dengan tindakan mencurigakan orang yang tidak dikenali.

"Biasanya kalau di kondominium atau pangapuri berpagar ada pe-

“Peti surat yang diperbuat daripada besi dicuri untuk dijual di pusat jualan besi buruk. Ia adalah kesalahan mencuri di luar premis dan jika sabit kesalahan boleh dipenjara tujuh tahun”

ASISTEN KOMISIONER YAHAYA RAMLI

Ketua Polis Daerah Subang Jaya

ngawal keselamatan. Penduduk dan persatuan boleh bekerjasama dengan pengawal keselamatan.

"Begini juga dengan pangapuri terbuka. Sikap prihatin mampu membendung kecurian bukan sahaja peti surat tetapi harta benda lain dan polis pula pantau pusat jualan besi buruk," katanya ketika dihubungi.

Bagaimanapun, Yahaya memberitahu sehingga kini polis Subang Jaya tidak menerima sebarang aduan khusus berkenaan kehilangan peti surat.

Jadikan barang kitar semula

SHAH ALAM - Masyarakat tidak boleh pandang ringan perbuatan merosak dan mencuri peti surat milik persendirian atau Pos Malaysia yang banyak berlaku di kawasan pangapuri.

Perbuatan tidak bertanggungjawab itu mengakibatkan pemilik peti surat kehilangan dokumen penting, sekali gus menyebabkan kerugian.

Pengerusi Persatuan Penduduk Pangapuri Saujana, Faizul Najib Abd Munaim berkata, antara punca kejadian kehilangan peti surat termasuk dicuri untuk dijual di pusat jualan kitar semula dan barang lusuh.

"Biasanya peti surat diperbuat daripada besi aluminium yang mempunyai harga agak baik dalam pasaran barang lusuh.

"Ini menyebabkan pihak tak ber-



Faizul Najib Abd Munaim

tanggungjawab mencuri penutup peti surat untuk dijual bagi mendapatkan duit.

"Penduduk kena ada sifat bertanggungjawab dan prihatin sama ada barang itu milik kita atau milik bersama kerana semua orang terkena tempinya," katanya ketika dihubungi Selangor Kini.

Naib Pengurus Badan Pengurusan Bersama (JMB) Rumah Pangsa Kos Rendah PJS 7, Abd Rahman Punnar pula berkata, pihaknya terpaksa menggunakan peruntukan RM7,500 yang diperoleh daripada Adun Subang Jaya bagi menggantikan 420 peti surat yang rosak.

"Peti surat kami sebelum ini diperbuat daripada papan. Sebab terlalu uzur, kita tukar baru yang diperbuat daripada besi. Bila dah tukar yang baru, saya harap tak dicuri pula," katanya.

PEMBERITAHUAN

Siaran Langsung

Persidangan Penggal ke-3

Dewan Negeri Selangor yang ke-13

Pada 30 Mac - 3 April

&

6 April - 10 April 2015



<http://tv.selangorku.com>

WAKTU SOLAT SELANGOR

20 - 27 MAC 2015

29 JAMADILAWAL - 6 JAMADILAKHIR 1436H

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syur'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
20 Jumaat	5:53	6:03	7:18	1:24	4:30	7:26	8:35
21 Sabtu	5:52	6:02	7:18	1:23	4:29	7:26	8:35
22 Ahad	5:52	6:02	7:18	1:23	4:28	7:26	8:34
23 Isnin	5:51	6:01	7:17	1:23	4:27	7:25	8:34
24 Selasa	5:51	6:01	7:17	1:22	4:26	7:25	8:34
25 Rabu	5:50	6:00	7:16	1:22	4:25	7:25	8:34
26 Khamis	5:50	6:00	7:16	1:22	4:24	7:25	8:34
27 Jumaat	5:50	6:00	7:16	1:22	4:23	7:25	8:33

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syur'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
20 Jumaat	5:55	6:05	7:20	1:26	4:32	7:28	8:37
21 Sabtu	5:54	6:04	7:20	1:25	4:31	7:28	8:37
22 Ahad	5:54	6:04	7:20	1:25	4:30	7:28	8:36
23 Isnin	5:53	6:03	7:19	1:25	4:29	7:27	8:36
24 Selasa	5:53	6:03	7:19	1:24	4:28	7:27	8:36
25 Rabu	5:52	6:02	7:18	1:24	4:27	7:27	8:36
26 Khamis	5:52	6:02	7:18	1:24	4:26	7:27	8:36
27 Jumaat	5:52	6:02	7:18	1:24	4:25	7:27	8:35



PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa dan TERBUKA kepada Kontraktor-kontraktor yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred Kategori dan Pengkhusus yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT DAN TARikh DOKUMEN DIJUAL	TARikh TENDER DITUTUP
Tajuk Projek CADANGAN KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH PAIP RETIKULASI AIR UTAMA ‘FALLING MAIN’ DI FASA 3, LAMAN 1, BERNAM JAYA, SELANGOR No. Kontrak PKNS/IP/BJ/KON-13/2014	CIDB : Gred G3 & G4 Kategori CE Pengkhususan CE 20	Bahagian Perolehan Tingkat 7, Menara HPAIC SEKSYEN 13 SHAH ALAM Pada : 09Mac 2015 Hingga 23Mac 2015	31 Mac 2015 Jam 12.00 Tengahari

1. Taklimat bagi tender ini akan diadakan pada 09 Mac 2015 Jam 10.30 Pagi bertempat di HERITAGE PKNS JALAN KEMUDI 2A BERNAM JAYA
2. Bayaran Dokumen Tawaran adalah RM400.00 dan hendaklah dibuat dalam bentuk Draf Bank atau Kiriman Wang di atas nama PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (bayaran ini tidak akan dikembalikan)
3. Naskah Dokumen Meja Tawaran boleh di semak di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula 09 Mac 2015
4. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Kontraktor ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Kontraktor dikehendaki membawa SURAT PERWAKILAN KUASA, DOKUMEN ASAL SERTA SALINAN PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERJAAN DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) SERTA SURAT PENDAFTARAN GST DENGAN JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA dan satu salinan bagi setiap Sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.
5. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap di isi hendaklah di masukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan di masukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

BAHAGIAN PEROLEHAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
TINGKAT 7 MENARA HPAIC, LAMAN SERI BUSINESS PARK,
NO.7, PERSIARAN SUKAN SEKSYEN 13,
40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
No. Tel : 03-55201234
<http://etender.pkns.gov.my>

6. Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan di layan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran lain



PANTAS...

YAM Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah mengibarkan bendera Selangor bagi pelepasan perlumbaan basikal Le Tour De Langkawi (LTDL) di hadapan Dataran Kemerdekaan Shah Alam. Seramai 131 pelumba bersaing sejauh 177 km yang berakhir di Genting Highlands.

Gambar oleh Asri Sapifie

Bercucu baru terima geran

OLEH NAEEM RAFFI

SABAK BERNAM - Impian peneroka Tanah Rancangan Belia 2 Sungai Panjang, Anuar Rosli untuk memiliki geran tanah bagi kediaman sendiri akhirnya tercapai.

Dalam usia 64 tahun, Anuar berjanji akan menggunakan tanah tersebut sebaik mungkin demi kelangsungan masa depan anak cucunya.

"Amat bersyukur dengan pemberian geran ini. Setidak-tidaknya, saya dan isteri berasa lebih terjamin kerana duduk di tapak kediaman kami ini," katanya yang mula meneroka tanah rancangan itu sejak tahun 70-an.

Anuar berkata, dia terpaksa menunggu sehingga bercucu walaupun segala dokumen sudah diserahkan sejak pemerintahan Umno-BN lebih 20 tahun lalu, namun sikap kerajaan ketika itu menyebabkan urusan hak milik tanah tertangguh terlalu lama.

"Sebelum ini, saya pernah memohon beberapa kali pada awal 80-an dan pertengahan 90-an. Namun, tiada kesudahan."

"Hari ini, Kerajaan Selangor bawah Pakatan Rakyat tunai-



kan impian saya selepas tiga tahun memohon bermula 2012," katanya.

Sementara itu, generasi kedua peneroka Tanah Rancangan Belia 2, Jamaludin Ramli, nyata gembira apabila turut menerima geran pemilikan yang selama ini diusahakan ayahnya.

"Saya generasi kedua. Hari ini, baru terima kertas (geran) yang memberi jaminan untuk kami

sekeluarga mendudukinya dengan tenang.

"Terima kasih Kerajaan Negeri yang sentiasa memudahkan urusan dan jalan kebijakan untuk rakyat," katanya.

Kedua-dua mereka ditemui pada Majlis Penyerahan Hak Milik Tanah Kampung Belia 2, Sungai Panjang dan Kampung Bagan, Sungai Burong di Balai Rakyat, Pekan Sabak, pada 18 Mac.

Sekurang-kurangnya 28 keluarga dari dua kampung berkenaan menerima geran pemilikan yang disampaikan Adun Sabak, Sallehen Mukhyi.

Pada majlis sama, 61 waris peserta Skim Mesra Usia Emas (SMUE) daripada Dun Sabak, Sungai Panjang, Air Tawar dan Sekinchan menerima baki bayaran khairat kematian RM1,500.

'1 tikus RM2'

SHAH ALAM - Dalam usaha mengawal populasi haiwan tikus yang membawa penyakit, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) melaksanakan kempen '1 Tikus 2 Ringgit' terbuka kepada seluruh warga kota Shah Alam.

MBSA dalam kenyataan media berkata kaunter penyerahan tikus dan bayaran akan dibuka di Pasar Moden Seksyen 6, Shah Alam bermula 16 Mac sehingga 10 April ini.

"MBSA memohon agar peserta berhati-hati dan mengambil langkah keselamatan semasa menangkap haiwan perosak ini," katanya.

Orang ramai digalakkan menggunakan perangkap tikus bagi mengelakkan peserta bersentuhan dengan haiwan itu.